# Kad diskaun khas Menu Rahmah tawar diskaun 40 peratus belian barang keperluan perniagaan

BERNAMA



FUZIAH Salleh. FOTO Arkib NSTP

Maran: Beban peniaga makanan menyediakan Menu Rahmah berikutan kenaikan harga barang boleh diatasi, apabila mereka memohon dan menggunakan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah yang menawarkan pembelian barang keperluan perniagaan dengan diskaun sehingga 40 peratus.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh berkata pihaknya, menyedari kekangan dihadapi mereka dan berusaha menyelesaikannya menerusi pendekatan tersebut.




"Masalah ini mungkin tidak dihadapi rangkaian restoran makanan segera, tetapi banyak dialami peniaga warung dan gerai kecil yang amat memerlukan margin keuntungan.

"Kita mendengar segala keluhan dan sudah memperkenalkan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah, yang mana kad ini membolehkan peniaga berbelanja semua barangan basah dan keperluan perniagaan pada harga diskaun, meskipun hanya menyediakan satu Menu Rahmah di premis," katanya.

ADVERTISING






